

03 JUL 1999

Shahnon-Reaksi

PERMOHONAN MAAF SHAHNON DISAMBUT BAIK

PULAU PINANG, 3 Julai (Bernama) -- Tindakan pengarang novel "SHIT" Prof Datuk Shahnon Ahmad memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disambut baik pelbagai pihak di negeri ini.

Mereka menyifatkan tindakan beliau sebagai wajar dan boleh meredakan ketegangan antara kedua-dua pihak setelah buku itu menyebabkan Dr Mahathir merasa terhina hasil karya Shahnon itu.

Ketua Penerangan UMNO Pulau Pinang, Datuk Haji Zain Omar hari ini berkata, sebagai seorang Islam perbuatan memohon maaf itu amat baik dan menandakan bahawa Shahnon telah sedar kesilapannya.

Katanya, memang tiada sesiapa pun tahu tujuan sebenar karya sasterawan itu tetapi pembaca boleh membuat pelbagai tafsiran masing-masing mengenai hasil tulisannya itu.

Ketika dihubungi di rumahnya di sini, beliau berkata, tidak salah bagi mana-mana pihak untuk menegur orang lain tetapi biarlah teguran itu dibuat dengan cara membina dan tidak mengaibkan orang lain, lebih-lebih lagi seorang pemimpin agung.

"Kalau hendak berjuang dalam apa parti sekali pun, berjuanglah dengan baik dan bukan menghina orang lain," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Shahnon, anggota seumur hidup PAS, bahawa buku itu dihasilkan bukan bertujuan menghina dan mengutuk Dr Mahathir secara peribadi tetapi semata-mata mengkritik dasar kepimpinan kerajaan sekarang.

Ketua 1 Persatuan Penulis Negeri Pulau Pinang, Anuar Asmadi pula berkata, tindakan itu dapat mengendurkan ketegangan antara golongan penulis dan anggota politik.

Katanya, tindakan Shahnon itu juga tidak bermakna ada pihak yang tewas atau menang tetapi lebih melambangkan keharmonian hidup bermasyarakat.

"Tindakan saling maaf bermaafan itu merupakan nilai budaya yang lebih tinggi dan melambangkan satu keharmonian dalam kehidupan manusia," katanya.

Malam tadi Shahnon memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri pada satu ceramah di Taman Rakyat, Jalan Sultanah di Alor Setar dan menyatakan beliau tidak berniat untuk menghina sesiapa melalui karyanya itu.

-- BERNAMA

ZU AKD